

27/11/2003

Kami tidak menganaktirikan seniman tempatan: Dr Ibrahim

Hassan Omar

DR IBRAHIM Ghaffar dilahirkan di Kampung Bagan Terap, Sabak Bernam, Selangor pada 1950. Beliau mula menulis sajak sejak berusia 15 tahun dan antologi puisinya, Duri di Kaki, dihasilkan pada 1972 diadun dengan kemampuannya melukis dan berlakon teater. Beliau juga adalah Pengerusi Perhubungan Antarabangsa, Persatuan Penulis Nasional (Pena). Ikuti wawancara wartawan Sastera dan Budaya, HASSAN OMAR, dengan beliau.

Bagaimana dunia penulisan kreatif Dr Ibrahim bermula?

Saya mula menulis pada 1965 ketika berusia 15 tahun dan puisi genre pertama yang diceburi.

Latar belakang saya yang kehilangan emak ketika berusia setahun tiga bulan dan ayah ketika berusia 14 tahun menjadikan saya sensitif. Saya anak angkat keluarga Kiai Mohd Yassin. Jiwa saya memberontak dan saya luahkan dalam tulisan. Majalah sekolah menjadi gelanggang saya. Karya pertama saya, Pulau, disiarkan dalam majalah Remaja pada 1966. Sajak Pulau itu menceritakan saya ibarat hanyut selepas menjadi yatim piatu hingga sampai di satu pulau. Pulau di sini merujuk kepada Kiai Mohd Yassin. Dari keluarga inilah saya bermula.

Bagaimana dengan perkembangan penulisan Dr Ibrahim selepas itu?

Saya mendapat galakan apabila Pulau disiarkan. Mastika dan Dian banyak menyiarkan karya saya. Saya mula bergaul dengan Anak Alam pada 1967. Anak Alam bermula dari Jalan Ampang dan kemudian berpindah ke Padang Merbok, Kuala Lumpur. Antara pengasas kumpulan seniman ini ialah A Latiff Mohidin, Mustafa Ibrahim, Prof Dr Siti Zainon Ismail. Generasi kedua termasuklah Abdul Ghaffar Ibrahim, arwah Zulkifli Dahlan, Mustafa Ibrahim, saya sendiri, Khalid Salleh, Omar Abdullah dan arwah Mohamad Abdullah.

Selain itu, apakah lagi bidang yang Dr Ibrahim ceburi?

Bermula dengan puisi, saya kemudian beralih kepada cerpen, rencana dan kreativiti saya bercambah kepada seni lukis. Diploma pertama saya dalam bidang seni lukis. Bidang saya reka bentuk industri. Saya melanjutkan pengajian ke Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1976. Pada 1979, saya menerima Anugerah Utama Pertandingan Seni Lukis Malaysia. Lukisan struktur saya, Bentuk Meninggi, menerima hadiah RM 5,000. Saya nampak bakat saya dalam seni lukis diiktiraf juga. Saya juga aktif dalam bidang teater. Menulis skrip dan berlakon termasuk mengarah.

Apakah teater yang pernah Dr Ibrahim berlakon atau arah?

Saya pernah menulis dan mengarahkan Bangku-bangku dan Demi Cinta. Ia pernah dipentaskan di Hari Puisi Kebangsaan di Kuantan pada 1975. Teater akhir yang saya berlakon ialah Tun Kudu di Universiti Malaya (UM) pada 1974 arahan Allahyarham Mustafa Noor. Antara pelakonnya Fatimah Busu dan Fatimah Abu Bakar.

Selepas itu?

Saya ke USM pada 1976. Berlaku kekosongan aktiviti penulisan dari 1980 hingga 1995. Ketika melanjutkan pengajian di Berlin, Jerman, saya pernah mengadakan pameran solo lukisan 'On Journey 83' dari Jerman ke Paris dan London. Kemudian saya menyambung pengajian di peringkat pasca sarjana (PhD) di Pacific Western University, State of Hawaii, Amerika Syarikat. Saya mengambil PhD dalam bidang Sains Politik dengan pengkhususan Pentadbiran Awam pada 1994. Apabila pulang ke Malaysia pada 1995, saya seperti tidak berkarya. Saya aktif semula ketika Baca Puisi Riong anjuran Berita Harian. Saya dibawa oleh sahabat saya, Saring Sirad.

Boleh Dr Ibrahim jelaskan pembabitan Dr Ibrahim dalam bidang kesenian di

Selangor?

Saya terbabit dengan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor, Persatuan Seni Silat Cimandi Selangor dan Sekretariat Seniman Selangor. Setiap Sabtu ketiga, kami menganjurkan Deklamasi Puisi Anggerik bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor di Galeri Shah Alam. Hari Ahad terakhir setiap bulan, Persatuan Penulis Nasional (Pena) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengadakan Sepetang Puisi dan Teater.

Pena kini kerap mengundang orang di luar bidang sastera bagi menjayakan deklamasi puisi bulanannya. Tidakkah ini penghinaan kepada orang sastera? Pena begitu mudah membawa artis ke dunia puisi sedangkan orang puisi tidak pernah menerima penghormatan daripada artis?

Pena mahu menyedarkan orang di luar dunia sastera, penyanyi atau pelakon. Pena tidak mahu mengikat penyair atau seniman dengan kelompoknya saja. Kita harus mengintegrasikan mereka dengan seniman dalam bidang lain. Kita selalu merasakan lagu dan melodinya baik tetapi seni katanya tidak menarik dan tidak puitis. Sekiranya kita menegur dari luar mungkin kurang berkesan. Jadi kita bawa mereka ke dalam dunia kita. Saling kenal-mengenal. Dari situ mudah untuk kita mencadangkan agar seni kata lagu ditulis dalam bentuk puitis, bukan asal bunyi saja. Itu antara usaha Pena. Ini bukan satu penghinaan tetapi penghormatan. Kalau kita hendak orang menghormati kita, kita terlebih dulu harus menghormati orang. Kalau kita hendak dikenali orang, kita juga harus mengenali orang.

Maknanya, dengan adanya program seperti ini, artis boleh meningkatkan penggunaan seni kata lagu kepada yang lebih bersifat puitis?

Ya, itu harapan saya. Penyair kadang-kadang rasa kecewa apabila mendengar lagu yang seni katanya entah apa-apa. Tidak ada unsur-unsur keindahan. Asal berbunyi saja. Kita hendak meluahkan rasa tidak puas hati kita, gelanggangnya berbeza. Nyanyian bukan gelanggang kita. Kita memilih untuk mengadakan integrasi antara penyair dengan penyanyi supaya satu hari nanti kita saling perlu memerlukan. Kalau itu terjadi, saya yakin, mutu lagu-lagu kita selain melodinya baik, seni katanya juga baik. Kalau kita lihat lagu-lagu yang seni katanya diambil daripada Zurinah Hassan misalnya, ataupun Habsah Hassan yang berasaskan sastera, ia sangat berbeza. Lagu itu akan hidup lama.

Pena juga nampaknya aktif dalam membawa persembahan kesenian dari luar. Pada Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur, Pena memberi ruang kepada Sanggar Matahari dan terkini Kiai Kanjeng dari Jogjakarta. Tidakkah ini dilihat sebagai menganaktirikan seniman tempatan?

Tidak. Saya mengesan kelainan persembahan Emha Ainun Nadjib ketika menonton di Jogjakarta. Pena membawa kumpulan itu pada program pertukaran budaya dengan matlamat membawa kesenian kepada masyarakat dan memasyarakatkan seni. Ia bukan untuk menganaktirikan seniman tempatan. Setiap persembahan, tidak seratus peratus daripada kumpulan terbabit. Pena kenal pasti dulu kumpulan yang boleh diketengahkan seperti cempoling, gamelan, hadrah, keroncong dan muzik tradisional, untuk mengisi slot tradisional manakala segmen kedua untuk deklamasi puisi.

Karya terbaru Dr Ibrahim?

Saya dan Saring Sirad baru menerbitkan antologi puisi Sing Kaya Ngene (Yang Seperti Ini) dilancarkan bekas Menteri Penerangan, Datuk Seri Muhamed Rahmat. Pada 25 September lalu, saya mendeklamasikan puisi khas untuk Tun Dr Mahathir Mohamad ketika Sultan Selangor meraikan beliau pada majlis makan malam sempena penganugerahan untuk Perdana Menteri. Saya mencipta puisi khas sebagaimana diminta oleh Sultan melalui Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Puisi saya ada dinyanyikan oleh Yusni Hamid pada acara Deklamasi Angkasapuri.